

03 SEP 2002

ASLI-LAMAN WEB/I

ASLI LANCAR LAMAN WEB BARU

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) hari ini melancarkan laman webnya yang baru, www.asli.com.my.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, ia berkata laman web yang diperbaharui itu akan membolehkan pelanggan ASLI membuat tempahan dan pembayaran secara online bagi seminar dan persidangannya.

Ke arah merealisasikan wawasan untuk menjadi kumpulan pemikir serantau, laman itu akan mempunyai penampilan seperti akses kepada himpunan dokumen penyelidikan ASLI serta kertas-kertas kerja persidangan sebelum ini, kata kenyataan itu.

Menurut presidennya, Mirzan Mahathir laman web baru itu menandakan satu lagi kejayaan usaha berterusan ASLI untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakannya.

"Dengan Internet menyediakan saluran yang efisien bagi komunikasi, interaksi dan kerjasama, ASLI akan terus meningkatkan operasinya dalam pertukaran elektronik bagi perniagaan dan maklumat operasi antara ASLI dan pelanggannya serta penceramah," kata beliau. -- BERNAMA

SM KTC NHD